



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MEI 2025

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Mei 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

| Nilai BSI | Ulasan                                                                                 |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| Atas 50   | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50        | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya                           |
| Bawah 50  | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya    |

4. Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan adalah 49.7 bagi Mei 2025. Hasil kaji selidik mencerminkan pendapat yang berbeza dengan pandangan keseluruhan cenderung kepada sentimen pesimistik, terutamanya dari sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan. Secara amnya, penurunan dalam sentimen pada bulan Mei 2025 dikaitkan dengan berakhirnya musim perayaan, penamatan projek-projek, serta cabaran-cabaran khusus sektor berkaitan gangguan rantaian bekalan, termasuk kenaikan kos bahan mentah, tekanan harga pasaran, dan operasi yang terjejas. Sementara itu, perkembangan positif berikutan pemerolehan projek baharu, serta pengembangan kemudahan dan perniagaan telah menyokong pemulihan sektor-sektor lain. Indeks bagi satu bulan ke hadapan meningkat kepada tahap 50.3, menunjukkan sentimen optimistik didorong oleh projek-projek besar, pemulihan bermusim, dan peningkatan pengeluaran setelah kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sentimen optimistik ini kebanyakannya didorong oleh perusahaan bersaiz besar. Ini menunjukkan perbezaan yang semakin ketara terhadap tahap keyakinan antara perniagaan bersaiz besar dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), di mana PMKS secara lazimnya lebih terjejas oleh

cabaran berkaitan tenaga kerja serta isu kecenderungan pengguna untuk berbelanja di luar negara semasa musim cuti persekolahan.

5. Sub-indeks Pelaburan adalah 50.1 bagi Mei 2025 dan tempoh satu bulan ke hadapan, dan 50.4 bagi tiga bulan ke hadapan. Bagi Mei 2025, perniagaan mengongsikan sentimen prospek pelaburan yang sedikit optimistik dengan perancangan peningkatan perbelanjaan modal untuk memenuhi keperluan operasi dan menyokong pertumbuhan. Ini termasuk pembelian mesin dan peralatan baharu, penaiktarafan kenderaan, pengubahsuaian dan pembesaran premis, dan penambahan semula inventori berdasarkan jangkaan bahawa tahap permintaan akan meningkat. Sesetengah perniagaan juga melaporkan pelaburan berkaitan kakitangan, terutamanya dalam latihan dan pensijilan untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran yang diperlukan untuk projek-projek akan datang. Memandang ke hadapan, sentimen pelaburan untuk masa terdekat kekal positif. Para peniaga merancang untuk meneruskan penambahan semula inventori, terutamanya menjelang acara-acara seperti Pesta Pengguna & Ekspo Perdagangan ke-31 dan acara-acara perayaan yang akan datang. Sesetengah perniagaan juga menyatakan hasrat untuk memperoleh peralatan dan bahan untuk menyokong projek-projek yang sedang berjalan dan yang baharu, serta mengubahsuai, menaiktaraf dan membesarkan premis, termasuk pembangunan pelabuhan, cawangan baharu, dan kemudahan pertanian. Perniagaan juga sedang membuat persediaan untuk acara-acara akan datang dan permintaan bermusim seperti sambutan Hari Raya Aidil Adha dan jualan akhir tahun.
6. Sub-indeks Pengambilan Pekerja berada pada tahap 49.7 pada bulan Mei 2025 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Pada bulan Mei 2025, perniagaan mencatat pandangan pesimistik terhadap situasi tenaga kerja, memandangkan banyak yang melapor pengurangan bilangan pekerja pada bulan tersebut. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penamatan tempoh kontrak, pelaksanaan projek, peletakan jawatan, persaraan, dan proses pengambilan. Beberapa perniagaan mengongsikan cabaran mencari calon-calon yang bersesuaian untuk mengisi kekosongan walaupun usaha pengambilan pekerja masih berterusan. Memandang ke hadapan, sentimen untuk satu bulan akan datang menunjukkan peningkatan sederhana, didorong oleh perancangan untuk mengambil pekerja sambilan bagi acara-acara yang akan datang. Sementara itu, sebahagian perniagaan merancang untuk mengambil graduan baharu dan pelatih bergaji untuk mengisi kekosongan berikutan pengurangan kakitangan. Meskipun pengambilan pekerja kekal perlahan dan tertakluk kepada projek/acara, peningkatan kecil ini menandakan prospek pekerjaan yang agak stabil.
7. Sub-indeks Kos Perniagaan berada pada tahap 50.1 bagi Mei 2025 dan 49.7 bagi bulan berikutnya. Pada bulan Mei 2025, perniagaan menjangka kos operasi akan meningkat sedikit, dengan penyerapan pelbagai jenis perbelanjaan. Perbelanjaan terbesar tertumpu kepada kos kakitangan – gaji and kos latihan. Perbelanjaan berkaitan dengan projek kekal signifikan, meliputi yuran subkontraktor serta peningkatan harga bahan mentah. Perniagaan juga melapor bil-bil penyelenggaraan dan pembaikan, kempen pemasaran dan promosi, kos pentadbiran (termasuk cukai, permit, insurans, dan visa), kos penghantaran yang lebih tinggi, serta kos penyewaan untuk cawangan-cawangan baharu. Bagi bulan berikutnya, kos dijangka akan menurun sedikit. Beberapa perniagaan menjangka pengurangan aktiviti dan pengembalian semula kos ke tahap biasa selepas perbelanjaan yang lebih tinggi di bulan sebelumnya, di samping penurunan jumlah projek, pengurangan kerja lebih masa, serta langkah-langkah penjimatan kos yang akan diambil.

| BSI Mei 2025                              |             |
|-------------------------------------------|-------------|
| <b>Keadaan Perniagaan</b>                 | <b>49.7</b> |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan  | 50.3        |
| Pelaburan                                 | 50.1        |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan           | 50.1        |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan           | 50.4        |
| Pengambilan Pekerja                       | 49.7        |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan | 50.2        |
| Kos Perniagaan                            | 50.1        |
| Kos Satu Bulan ke Hadapan                 | 49.7        |

8. Dari segi sektor ekonomi, lima daripada 11 sektor merekod sentimen optimistik mengenai keadaan perniagaan bagi Mei 2025:

- Sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman menunjukkan tahap optimistik tertinggi dengan indeks 50.7, didorong oleh kenaikan permintaan perkhidmatan serta peningkatan kadar penghunian.
- Sektor Hotel & Restoran mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan di restoran dan tempahan bilik.
- Sektor Pembinaan menunjukkan pendapat yang berbeza merentas semua saiz perniagaan, dengan pandangan optimistik disebabkan projek-projek baharu. Namun, terdapat juga kebimbangan terhadap pengurangan aktiviti pelanggan dan kekurangan tenaga kerja.
- Sektor Kewangan & Insurans secara amnya melaporkan keadaan yang stabil dengan beberapa perkembangan positif berkaitan perkhidmatan insurans dan pertumbuhan aktiviti pinjaman.
- Sektor Kesihatan & Pendidikan turut optimistik dengan peningkatan kemudahan-kemudahan, pengambilan pelajar baharu, serta aktiviti promosi.

Sebaliknya, lima sektor menunjukkan pandangan pesimistik bagi Mei 2025:

- Sektor Perdagangan Borong & Runcit terus mencatatkan permintaan yang lemah selepas musim perayaan disebabkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja di luar negara.
- Sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan mengaitkan sentimen pesimistik kepada tekanan harga pasaran serta kerja-kerja penyelenggaraan yang mengakibatkan penurunan pengeluaran, walaupun beberapa perniagaan kekal berdaya tahan dengan pelaksanaan projek berskala besar dan penambahbaikan operasi.
- Kebanyakan perniagaan dalam sektor Pengangkutan & Komunikasi menjangka prestasi yang lebih rendah berikutan tren bermusim.
- Meskipun sesetengah perniagaan dalam sektor Perkhidmatan Lain melaporkan peningkatan prestasi, terdapat juga yang menjangka penurunan aktiviti perniagaan dan projek.
- Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan secara amnya adalah stabil tetapi terdapat kebimbangan terhadap gangguan cuaca dan pengeluaran buah yang bermusim.

Di samping itu, sektor Pembuatan kekal stabil dengan sentimen yang sama berbanding bulan sebelumnya.

| Keadaan Perniagaan Mei 2025 Mengikut Sektor |      |
|---------------------------------------------|------|
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman            | 50.7 |
| Hotel & Restoran                            | 50.3 |
| Pembinaan                                   | 50.2 |

|                                             |      |
|---------------------------------------------|------|
| Kewangan & Insurans                         | 50.1 |
| Kesihatan & Pendidikan                      | 50.1 |
| Pembuatan                                   | 50.0 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 49.9 |
| Perkhidmatan Lain                           | 49.8 |
| Pengangkutan & Komunikasi                   | 49.6 |
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan             | 49.6 |
| Perdagangan Borong & Runcit                 | 49.5 |

9. Dari segi saiz perniagaan, semua kategori melaporkan sentimen pesimistik, dengan faktor yang paling kerap disebut adalah keadaan pasaran yang lebih perlahan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri. Bagi cabaran berkaitan dengan skala perniagaan, sektor bersaiz besar mengaitkan gangguan operasi dengan kerja-kerja penyelenggaraan dan kakitangan yang bercuti. Sementara itu, perniagaan mikro, kecil, dan sederhana melaporkan kekurangan peluang projek serta penurunan aktiviti.

| Keadaan Perniagaan Mei 2025 Mengikut Saiz |      |
|-------------------------------------------|------|
| Mikro                                     | 49.9 |
| Kecil                                     | 49.8 |
| Sederhana                                 | 49.8 |
| Besar                                     | 49.7 |

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 27 Muharram 1447H / 23 Julai 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


## LAMPIRAN 1

### Keadaan Perniagaan




*Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*

### Pelaburan




*Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.*

*Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.*



*Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.*


*Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.*



*Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.*


*Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.*

### BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mei 2025



*Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*

### Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



*Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.*